



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



ISU DAN CABARAN DAKWAH NON-MUSLIM MENERUSI
IMPLEMENTASI ZAKAT DI NEGERI PERLIS

ISSUES AND CHALLENGES OF NON-MUSLIM DA'WAH THROUGH ZAKAT
IMPLEMENTATION IN STATE OF PERLIS

Noor Azura Zainuddin^{1*}, Nor Syahida Hashim², Nor Kartini Mohd Rodzi³, Muhammad Ameen Khoya⁴, Nadiyah Hashim⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Malaysia
Email: noorazura@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Malaysia
Email: norsyahida@uitm.edu.my

³ Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Malaysia
Email: norkartini@uitm.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Islam dan Undang-Undang, Fatoni University, Ch. Pattani S. Thailand
Email: MoohamadKhoya1970@gmail.com

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Malaysia
Email: nadiyah@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Zainudin, N. A., Hashim, N. S., Rodzi, N. K. M., Khoya, M. A., & Hashim, N. (2023). Isu Dan Cabaran Dakwah Non-Muslim Menerusi Implementasi Zakat Di Negeri Perlis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 100-112.

DOI: 10.35631/IJLGC.832009.

Abstrak:

Toleransi antara *non-Muslim* yang tinggal bersama majoriti Muslim telah mewujudkan suatu interaksi sosial dalam kerangka kemanusiaan, keharmonian serta kestabilan sesebuah negara. Antara toleransi Islam terhadap masyarakat yang berbilang agama, bangsa dan budaya seperti Malaysia adalah menerusi pemberian sedekah dan zakat kepada golongan asnaf yang terdiri daripada golongan mualaf. Golongan mualaf ini terdiri daripada dua kelompok iaitu yang pertama ialah golongan *non-Muslim* yang cenderung hati mereka kepada Islam tetapi belum lagi memeluk Islam. Golongan mualaf yang ke dua ialah *non-Muslim* yang baru memeluk Islam. Justeru kajian ini melihat kepada isu dan cabaran zakat *non-Muslim* yang dihadapi oleh Unit Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Antara objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keperluan dakwah *non-Muslim* melalui agihan zakat yang telah diperuntukan. Selain itu, kajian akan mengenalpasti bentuk atau metod implementasi zakat *non-Muslim* sebagai asnaf zakat yang diletakkan mengikut keperluan dan cabaran semasa. Kajian ini turut menganalisis implementasi agihan zakat *non-Muslim* yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Dan adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Dalam meneroka lebih lanjut, kajian ini menggunakan kajian kualitatif induktif yang mana pengkaji

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



menghasil makna atau pemahaman hasil dari data yang dikumpul dari lapangan kajian hasil interpretasi maklumat yang diperoleh daripada analisis transkripsi temu bual separa berstruktur. Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa isu dan cabaran iaitu persepsi masyarakat Islam terhadap *non-Muslim*, kekurangan dana, kurang tenaga pakar dalam bidang dakwah dan isu politik serta media massa yang membentuk cabaran pemberian zakat terhadap golongan *non-Muslim*. Implementasi zakat *non-Muslim* oleh pihak MAIPs diharap mampu meningkatkan kutipan zakat dan membuka ruang dakwah kepada sasaran *non-Muslim* yang berjinak dengan Islam.

Kata Kunci:

Cabaran, Dakwah, Muallaf, *Non-Muslim*, Zakat

Abstract:

Tolerance between non-Muslims living with a Muslim majority has created a social interaction within the framework of humanity, harmony, and stability of a country. Islamic tolerance towards diverse religious, ethnic, and cultural communities, such as in Malaysia, is manifested through the provision of charity (sadaqah) and alms (zakat) to the eligible recipients known as *asnaf*. The *asnaf* category includes two groups; the first consists of non-Muslims who are inclined towards Islam but have not yet embraced the religion, and the second group comprises non-Muslims who have recently converted to Islam. Hence, this study examines the issues and challenges faced by the Zakat Unit of the Islamic Religious and Malay Customs Council of Perlis (MAIPs) in administering zakat for non-Muslims. The objectives of this study include assessing the need for non-Muslim outreach through the distribution of zakat funds allocated for this purpose. Additionally, the research will identify the method of implementing zakat for non-Muslims as recipients of zakat according to their specific needs and current challenges. The study also analyzes the implementation of zakat distribution for non-Muslims carried out by MAIPs. To explore further, this study adopts an inductive qualitative approach, wherein the researcher derives meanings or understanding from data collected through semi-structured interview transcriptions. The findings of the study reveal several issues and challenges, such as the perception of the Muslim community towards non-Muslims, insufficient funds, lack of expertise in the field of outreach, and political and mass media influences that shape the challenges of providing zakat to non-Muslims. The implementation of zakat for non-Muslims by MAIPs is expected to enhance zakat collection and create opportunities for outreach to non-Muslims who are interested in Islam.

Keywords:

Challenges, *Da'wah*, *Muallaf*, *Non-Muslim*, Zakat

Pengenalan

Implementasi zakat di Malaysia sejak dahulu sehingga kini telah mencatatkan perubahan yang signifikan dari sudut agihan dan pengurusan. Pelbagai transformasi berlaku bagi memastikan permerkasaan institusi zakat khususnya dalam membantu golongan yang memerlukan dalam negara. Walaupun tadbir urus pengurusan zakat di Malaysia berbeza antara setiap negeri, namun objektif dan tujuan adalah sama bagi melestarikan pembangunan ummah dari aspek kerohanian, ekonomi, sosial, kesihatan dan lain-lain. Salah satu usaha permerkasaan institusi zakat Negeri Perlis adalah memutuskan fatwa hukum pemberian zakat kepada *non-Muslim* sebagai salah satu sasaran agihan zakat. Sejak tahun 2017, Majlis Agama Islam dan Adat

Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bertanggungjawab memastikan agihan zakat kepada *non-Muslim* yang memerlukan dapat diagihkan sebagaimana yang dilaksanakan pada zaman Rasullullah SAW, para sahabat dan ulama kontemporari di bawah tema *muallafah qulub* (orang yang dijinakkan hati kepada Islam). Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keperluan dakwah *non-Muslim* melalui agihan zakat yang telah diperuntukan. Selain itu, kajian akan mengenalpasti bentuk atau metod implementasi zakat *non-Muslim* sebagai asnaf zakat yang diletakkan mengikut keperluan dan cabaran semasa. Setelah itu kajian turut menganalisis implementasi agihan zakat *non-Muslim* yang telah dilaksanakan oleh MAIPs. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Dalam kaedah ini kajian akan memperoleh data primer dan sekunder daripada kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Manakala data primer dapat diperoleh daripada buku, jurnal, akhbar, laman maya rasmi dan pekeliling yang berkaitan. Kajian ini turut melibatkan temubual secara mendalam dengan beberapa individu pakar dalam bidang dakwah *non-Muslim* dan bidang pengurusan dan agihan zakat yang terlibat secara langsung. Setelah itu, kajian ini dianalisis menggunakan kajian kualitatif induktif yang mana pengkaji menghasil makna atau pemahaman hasil dari data yang dikumpul dari lapangan kajian hasil interpretasi maklumat yang diperoleh daripada analisis transkripsi temu bual separa berstruktur. Dapatan kajian mendapati pihak MAIPs telah menerajui beberapa inisiatif penting dalam menguruskan agenda pemeraksanaan institusi zakat sekaligus memelihara perpaduan dalam konteks kepelbagaian peringkat nasional. Implikasi zakat *non-Muslim* dapat menjadi medium dakwah dalam memperlihatkan keindahan Islam sebagai agama rahmah (Ab Aziz Mohd Zin, 1999).

Tajuk kajian ini memfokuskan kepada isu dan cabaran dakwah *non-Muslim* melalui implementasi zakat di Negeri Perlis. Agihan zakat kepada *non-Muslim* adalah salah satu agenda dakwah bertujuan melembutkan jiwa *non-Muslim* kepada ajaran Islam yang baik dan harmoni. Konsep Islam agama rahmah ini banyak memberi kesan kepada seluruh makhluk bukan sekadar manusia malah merentasi alam flora dan fauna. Seperti mana dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Kami (Allah) tidak mengutus engkau Muhammad melainkan untuk rahmat sekalian alam”.

(Surah al-Anbiya’107)

Ayat di atas menjelaskan bahawa ajaran yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW merupakan sistem kehidupan yang menyelamatkan manusia seluruhnya termasuk Muslim dan *non-Muslim* (Hamka, 1987). Maka keluasan rahmah ini perlu disusuli dengan kebijaksanaan pendakwah mendekati sasaran terutama *non-Muslim* dalam negara.

Permasalahan Kajian

Senario dakwah kini dalam negara dilihat kurang menekankan usaha dakwah terhadap golongan *non-Muslim* ini. Pelbagai faktor dapat dikenal pasti sebagai penyumbang kepada keadaan ini antaranya pergaulan merentasi sempadan agama dan bangsa yang jarang diamalkan terutamanya melibatkan mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama semenjak kecil kerana dibiasakan dengan persekitaran sesama agama dan bangsa yang sama (Meeranggani, 2019). Ini menyumbang kepada pelebaran jurang sesama mereka serta menyebabkan wujudnya kejanggalan apabila perlu berurusan dan berinteraksi dengan golongan *non-Muslim* ini.

Kajian Abdul Rahman dan lain-lain (2009), memetik pandangan Professor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim menyatakan masyarakat *non-Muslim* memiliki kefahaman yang rendah terhadap Islam sehingga menimbulkan salah faham. Menurutnya ajaran Islam tidak banyak diberikan pendedahan kepada *non-Muslim*. Kesannya ajaran Islam yang sampai kepada mereka hanyalah secara umum sahaja seperti tidak boleh minum arak, tidak boleh makan babi, sehingga perkataan babi pun takut untuk digunakan dan digantikan dengan perkataan khinzir. Apabila ini berlaku, maka *non-Muslim* akan memandang serong kepada agama Islam kerana mereka tidak memahami kenapa dan mengapa suatu perkara itu dilarang kerana tidak mendapat penjelasan yang terperinci. Selain itu, isu agama dan perkauman yang dilihat begitu sensitif mutakhir ini telah mewujudkan sikap berhati-hati dalam kalangan mereka kerana setiap isu yang ingin diketengahkan perlu diteliti terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang tindakan yang mungkin boleh dikenakan kepada mereka. Hal ini menyebabkan mereka berasa lebih selamat dan selesa untuk berbahas mengenai persoalan agama dan kaum menurut kerangka kumpulan sendiri sahaja (Meerangani, 2019).

Selain itu kajian daripada Masitah Esa dan lain-lain (2017) mengenai Majlis Dakwah Negara turut memfokuskan ke arah perpaduan ummah iaitu memupuk semangat persaudaraan Islam, penyelarasan dakwah, pendekatan kerja yang dilakukan adalah untuk mengenal pasti isu-isu dakwah semasa. Biarpun terdapat kumpulan kerja dakwah *non-Muslim* namun tiada data yang dianalisis mengenainya. Seterusnya kajian Khairul Azhar Meerangani (2019) memaparkan organisasi dakwah terutamanya di bawah naungan kerajaan seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dilihat lebih banyak menumpukan usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan umat Islam sahaja. Usaha mendekati dan mendampingi golongan *non-Muslim* pula kelihatannya lebih banyak digerakkan oleh organisasi persendirian seperti Multiracial Reverted Muslim (MRM), Islamic Propagation Society (IPSI) dan Darul Fitrah dengan pengasasnya adalah dalam kalangan mereka yang sebelumnya pernah berada dalam agama selain Islam.

Kajian Khairul Azhar Meerangani (2013) menyatakan institusi zakat yang perlu sama-sama turun membantu usaha dakwah ini bukannya hanya berbangga dengan hasil kutipan zakat yang memberangsangkan setiap tahun tanpa ada usaha untuk menarik hati masyarakat *non-Muslim* terhadap ajaran Islam. Selamanya Muslim tidak boleh mengharapkan peruntukan perlembagaan semata-mata untuk mendokong usaha kita sebaliknya kita perlu mengambil inisiatif sendiri dalam memasarkan Islam terhadap golongan *non-Muslim*. Walaupun terdapat kajian yang merentasi kebiasaan mengenai zakat seperti Nuruul Hidayah Mansor dan lain-lain (2014) yang menyatakan peranan zakat dalam mengembangkan dan menguruskan dakwah Islamiyyah di kalangan *non-Muslim* amat penting kerana ia menjadikan pengurusan dakwah lebih efisien. Hal ini kerana ekonomi jarang dikaitkan dengan dakwah. Begitu juga, ramai pendakwah tidak disokong oleh sumber ekonomi. Sejarah dakwah Islam melalui pendakwah asing dilaksanakan oleh para pedagang. Namun ia amat sedikit dari kaca mata Muslim di Malaysia mengambil iktibar dan contoh pelaksanaan seumpama itu. Kebanyakan kajian mengenai institusi agama atau pihak berkuasa Agama Islam yang terlibat di negeri-negeri di Malaysia memberikan zakat kepada Muslim seperti kajian Esa & lain-lain (2017); Azizul Azra Abdul Razak dan Mohd. Hisyam Abdul Rahim Razak (2017); Muhsin Nor Paizin (2014) lebih memfokuskan kepada dakwah Muslim dari sudut pengurusan, pemasaran dan agihan zakat dan kurang kajian yang mengetengahkan golongan asnaf dari kalangan *non-Muslim* dalam negara ini. Hanya sedikit kajian yang memberi pencerahan kepada agihan zakat kepada *non-Muslim* dari perspektif syariah.

Namun terdapat beberapa kajian dari luar kerangka Malaysia seperti Eshrat Hussain Basri dan Jehanzeb Khali (2014) menyimpulkan bahawa tidak ada mudarat memberi zakat kepada *non-Muslim*, jika niat kita adalah untuk menarik *non-Muslim* kepada Islam. Zakat dan semua jenis sedekah mungkin boleh diperuntukkan, dibayar dan diberikan kepada orang-orang *non-Muslim* yang fakir dan miskin untuk mengimplementasi Al-Quran, Sunnah dan syaria Islam. Selain itu, kajian turut menyokong seperti Dr Monzer Kahf (1980) mencadangkan bahawa kelayakan yang luas fakir dan miskin boleh dipilih dengan meletakkan tahap keperluan, orang yang kelaparan mesti diutamakan. Begitu juga kajian daripada Rashid Ghanoushi (1993) turut menyokong dan mencadangkan idea bahawa warganegara bukan Islam juga mungkin dikehendaki membayar zakat bersama-sama Muslim.

Kajian mengenai agihan zakat kepada *non-Muslim* mempunyai banyak pandangan sama ada menerima atau menolak terutamanya menafsirkan maksud '*muallafah qulubuhum*'. Namun pernyataan al-Mawardi dalam kitab al-Hawi al-Kabir yang menyatakan walaupun Imam Malik dan Abu Hanifah menggugurkan asnaf *muallafah qulubuhum* tetapi ia kekal ada iaitu tidak digugurkan daripada asnaf lapan layak menerima zakat. Dr. Shamsiah Mohamad (2019), penyelidik isu-isu kewangan Islam dan syaria menyimpulkan adalah pemberian zakat kepada *non-Muslim* terserah kepada keputusan pihak berkuasa mengikut kepentingan, keperluan dan masalah umum semasa. Perlis antara negeri yang mengambil pendekatan menyokong serta meluluskan fatwa membolehkan wang zakat diberi kepada *non-Muslim* mengikut asnaf '*muallafah qulubuhum*', iaitu golongan yang ingin diharmonikan sikap dan persepsi mereka terhadap Islam (maips.gov.my, 2021).

Walaupun terdapat sokongan, namun amat kurang kajian secara mendalam dan terperinci mengenai metod, amalan yang boleh dijadikan panduan kepada institusi zakat khususnya agihan kepada *non-Muslim* khususnya pelaksanaannya di peringkat dalam negara. Oleh itu, kajian ini adalah langkah tepat bagi meraikan keharmonian hidup bermasyarakat dalam negara. Selain itu, kajian ini turut mendidik rakyat Malaysia mempraktikkan agenda perpaduan dalam kepelbagaian kaum dan agama, seterusnya mengangkat syiar Islam yang merupakan agama rasmi negara Malaysia seperti yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).

Kajian Literatur

Islam merupakan agama yang universal dan komprehensif mencakupi seluruh aspek kehidupan insan. Kesempurnaan agama ini bukan sahaja memelihara aspek Muslim sahaja bahkan turut membincang dan mengiktiraf segala persoalan berkaitan *non-Muslim* dalam kerangka dakwah Islam. Berdakwah adalah tanggungjawab utama yang mesti dimainkan oleh setiap umat Islam mengikut kadar kemampuan. Berdakwah pula tidak sekadar menyeru seseorang kepada Islam secara literal, tetapi ia merangkumi seruan kepada masyarakat Muslim dan *non-Muslim* supaya berakhlak mulia dan berani untuk kebaikan serta memberi manfaat kepada sebuah negara. Rasulullah SAW selaku perintis utama jalan dakwah terus mengajak seluruh umat menggunakan kaedah atau pendekatan yang signifikan dalam mengembangkan Islam. Matlamat dakwah hanyalah satu iaitu untuk mengajak atau mempengaruhi seseorang untuk mencintai Islam. Ia selari dengan seruan Allah SWT dalam firmanNya bermaksud:

"Katakanlah: Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (mu) kepada Allah di atas bashirah (hujjah yang nyata), Maha suci Allah, dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik."

(Surah Yusuf 108)

Keperluan Dakwah Kepada Non-Muslim

Berdasarkan kefahaman asas kepada dakwah yang merujuk kepada etimologi, dakwah yang berasal dari bahasa Arab, iaitu دَاوَّعَ da'a, دَاوَّعَ يَدَاوُّعُ yad'u, دَاوَّعَ دَاوَّعَانِ da'wan, دَاوَّعَ du'a, yang bermaksud mengajak atau menyeru, memanggil, seruan, permohonan dan permintaan. Pendefinisian menurut Quraish Shihab (1992) pula merupakan seruan atau ajakan kepada keinsafan, atau mengubah situasi yang tidak baik kepada situasi yang lebih baik dan sempurna baik terhadap diri sendiri mahupun masyarakat. Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang menghimpunkan golongan *non-Muslim* yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam satu komuniti, keperluan berdakwah terhadap golongan *non-Muslim* merupakan antara tanggungjawab utama yang perlu dilaksanakan oleh setiap Muslim berdasarkan tahap kemampuan diri masing-masing.

Pelbagai cabaran perlu dihadapi dan ditangani dengan bijak oleh para pendakwah kepada *non-Muslim* khususnya dalam negara. Secara hakikatnya, di Malaysia masih banyak isu sosial yang terus membelenggu dan merantai masyarakat Melayu yang menjadi salah faham *non-Muslim*. Selain itu, imej bangsa Melayu di mata masyarakat *non-Muslim* juga kurang enak seperti masyarakat Melayu sering disifatkan sebagai pemalas, mengamalkan rasuah, gila kuasa dan tidak pandai berdikari (Meerangani, 2013). Antara isu lain yang sering dipaparkan dalam media adalah keruntuhan akhlak, jenayah seks rogol, membunuh dan paling tinggi adalah isu dadah (Berita Harian, 2021). Tambahan kenyataan media melaporkan statistik jenayah di Malaysia sehingga tahun 2021 menunjukkan komposisi jenayah dadah mengikut etnik adalah Bumiputera (69.7%), India (11.5%), Cina (8.4%) dan Lain-lain (10.4%). Justeru fenomena ini telah meletakkan imej Melayu sebagai bangsa lemah serta menimbulkan salah faham *non-Muslim* yang beranggapan kelemahan ini adalah berpunca daripada agama anutan masyarakat Melayu (Don & Salamon, 2009).

Selain itu, secara globalnya, umum dapat melihat perpecahan dalam kalangan masyarakat Islam. Khususnya berlaku dalam negara-negara Islam sendiri telah berpecah kepada kumpulan-kumpulan tertentu. Akibat daripada perpecahan ini, banyak masalah tidak dapat diselesaikan. Walaupun Islam sangat mengambil berat kepada perpaduan, tetapi masyarakat Islam terus berpecah dan menjadi lemah. Di antara sebab umat Islam berpecah ialah kerana lahirnya pelbagai parti politik dan pertubuhan dakwah dan sifat ketaksuban terhadap pemimpin. Hal ini menyebabkan, proses dakwah menghadapi masalah kerana sesuatu kumpulan tidak akan senang untuk menerima selain dari kumpulannya. Impak peristiwa sebegini akhirnya menyebabkan masyarakat *non-Muslim* menjauhkan diri dengan masyarakat Islam (Syarul Azman Shahrudin & lain-lain, 2018).

Elemen material Sebagai Metod Berkesan Dalam Dakwah Non-Muslim

Penghayatan dakwah Islamiyyah mempunyai cakupan yang lebih umum di mana merujuk kepada seruan kepada mereka yang belum beragama Islam untuk mengenali dan mendekati ajaran Islam seterusnya terbuka hati untuk menganuti agama ini (Muhammad Hilmi Mat Johar & lain-lain, 2021). Perlaksanaan dakwah sama ada secara individu (*fardiyyah*) mahupun berkumpulan (*jamaah*) perlu dibina atas landasan teori, pendekatan, metod yang sesuai untuk diaplikasikan. Dalam keadaan semasa, aspek material perlu diambil kira semasa menjalankan operasi dakwah. Menurut Othman Talib (1996) tanpa elemen material rancangan dakwah itu boleh terhenti dan tidak dapat direalisasikan. Sepertimana Rasulullah SAW juga amat prihatin terhadap hal pengurusan dalam setiap perjuangannya, seluruh umat Islam bekerjasama membekalkan para pejuang dengan makanan, air, perubatan, pengangkutan dan senjata. Pandangan Othman Hj. Talib dan Mohamed Mohamed Tolba Said (2009) meletakkan faktor

ekonomi pemangkin utama gerakan dakwah Rasulullah SAW ternyata di sisi baginda adalah isteri Saidatina Khadijah dan sahabat karib Saidina Abu Bakar berstatus jutawan telah menampakkan status Islam agama yang kuat kepada bangsa Arab ketika itu. Sekaligus hal ini jaminan kekuatan Islam dan *non-Muslim* mudah tertarik seterusnya melancarkan usaha dakwah menjadi lebih efektif dan dinamik. Ab Aziz Mohd Zin (1999) menjelaskan usaha dakwah *bil maal* (dengan harta) antara paling berkesan yang dilakukan melalui gerak kerja berbentuk kebajikan, sama ada berbentuk kewangan ataupun berbentuk sumbangan tenaga dan masa. Antara yang boleh dilakukan ialah memperkasakan badan-badan zakat dan kebajikan yang ada di Malaysia dengan memperbaiki kelemahan dalaman dan luaran organisasi sama ada daripada aspek pengurusan mahu pun prosedur supaya badan-badan ini boleh menjadi penjana sumber kelangsungan gerak kerja dakwah kepada *non-Muslim*.

Besar peranan zakat dalam mengembangkan dan menguruskan dakwah Islamiah di kalangan *non-Muslim* ke arah pengurusan dakwah lebih efisien. Lipatan sejarah dakwah Islamiah sampai ke Tanah Melayu turut melibatkan perjuangan para pedagang. Melalui perdagangan ini, secara perlahan tetapi tepat, Islam diperkenalkan. Saudagar-saudagar yang menguasai ekonomilah yang memberi pengaruh dan akhirnya diikuti oleh ramai orang. Justeru, kegiatan dakwah penting melalui hasil ekonominya seperti yang ditunjukkan dalam sejarah, terdapat penyebaran agama yang luar biasa cepat dan berkesan (Nuruul Hidayah Mansor & lain-lain, 2014).

Amalan Pemberian Zakat Non-Muslim Di Negeri Perlis

Bertitik tolak daripada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, orang yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

(Surah Al-Taubah 60)

Ayat ini jelas menunjukkan nilai toleransi syiar Islam. Zakat bukan sahaja diberi kepada Muslim bahkan *non-Muslim* juga diberi hak zakat sebagai manifestasi solidariti sesama umat Islam yang menurut perintah Allah SWT.

Mufti Negeri Perlis, Sahibus Samahah Dato’ Arif Perkasa Profesor Madya Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin menjelaskan pengajaran utama *tasamuh* (toleransi) antara Islam dengan ajaran lain ialah Islam itu datang dengan perintah Allah SWT. Orang Islam bertasamuh bukan sekadar mencari apa-apa keuntungan atau kerana ingin mengambil hati, tetapi kerana mereka ingin mematuhi perintah Allah SWT. Sejelangnya tiada unsur perkauman dalam mengenal Allah SWT, maka bagi orang Islam akan merasai rahmat Allah itu bukan sahaja bagi diri mereka, tetapi juga bagi orang yang belum Islam (maips.gov.my, 2021).

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) sejak 2017 turut memberikan sumbangan zakat kepada *non-Muslim* yang hatinya ingin mendekati Islam berdasarkan keputusan fatwa hukum pemberian zakat kepada *non-Muslim* yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-26/2017. Fatwa itu membolehkan zakat kepada *non-Muslim* di bawah asnaf *‘Muallafah quluubuhum’* (golongan yang ingin

diharmonikan sikap dan persepsi mereka terhadap Islam) boleh diberikan atas kemaslahatan yang ditentukan oleh *ulil amri* (pemerintah). Namun menurut Exco Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Ruzaini Rais bahawa syarat agihan zakat kepada mereka yang *non-Muslim* hanya melalui program-program penerangan Islam yang dijalankan (Norjuliana Yaacob, 2019).

Selain itu, kewajaran memberikan bantuan zakat kepada masyarakat *non-Muslim* adalah bertujuan membetulkan sebarang salah faham masyarakat terhadap Islam selain memperkenalkan Islam yang sebenar kepada masyarakat *non-Muslim*. Oleh yang demikian, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail turut memperkenalkan One Centre Malaysia Perlis (OCMPs) berperanan sebagai jambatan kepada perpaduan antara agama dan kaum tanpa mengenyepikan prinsip Islam. OCMPs ialah sebuah organisasi yang bernaung di bawah MAIPs sejak 2017 dalam menyebarkan lagi berkaitan keindahan Islam kepada masyarakat umum (maips.gov.my, 2019).

Metodologi Kajian

Falsafah penyelidikan kajian ini termasuk dalam kategori falsafah konstruktivis iaitu carian kefahaman bagi masalah dalam persekitaran yang dikaji iaitu isu dan cabaran implementasi pengagihan zakat kepada *non-Muslim* di Negeri Perlis. Walaupun falsafah kajian adalah tersembunyi dalam kajian yang dilakukan, namun memberi kesan kepada kajian dan penting untuk dikenal pasti (Creswell, 2009). Falsafah konstruktivis melibatkan kajian kualitatif induktif yang mana pengkaji menghasil makna atau pemahaman hasil dari data yang dikumpul dari lapangan kajian hasil interpretasi maklumat yang diperoleh daripada analisis transkripsi temu bual separa berstruktur.

Kajian ini melibatkan temubual secara mendalam dengan beberapa individu pakar dalam bidang dakwah *non-Muslim* dan zakat yang terlibat secara langsung dengan agihan dan pengurusan zakat *non-Muslim*. Kajian ini memilih untuk menemubual responden yang sedikit tetapi dijangka dapat memberikan maklumat yang terperinci dan mendalam. Pendekatan ini diakui bernilai seperti diakui Patton (2002). Menurut Connaway dan Powell (2010) dan Patton (2002) bilangan responden yang ditemu bual bukan menjadi isu dalam kajian kualitatif kerana tidak ada satu peraturan khusus boleh diguna bagi menentu saiz sampel temu bual namun kriteria bagi menentu sampel dan mengenal pasti responden yang hendak ditemu bual adalah berdasarkan persoalan kajian bagi menentu ciri yang berkaitan dengan material yang dikumpul dari individu yang sepatutnya. Kajian ini melibatkan seorang pakar dari Jabatan Mufti Negeri Perlis, seorang pakar dari MAIPs dan seorang pakar dari Dakwah Perlis Centre Of Wisdom (PCW).

Pemilihan pakar adalah berdasarkan pengalaman dan penglibatan secara langsung dalam bidang dakwah dan zakat. Responden terlibat mengetuai institusi dakwah dan zakat. Kajian kes ini hanya melibatkan negeri Perlis kerana terdapat fatwa yang jelas membenarkan pemberian zakat kepada *non-Muslim*. Soalan temu bual dibangunkan oleh penyelidik dan kesahan soalan dibuat oleh pakar dalam bidang zakat dan dakwah dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis dan Universiti Malaya. Soalan-soalan temu bual dan surat izin telah melalui jawatankuasa etika universiti untuk kerahsiaan maklumat. Kutipan data telah dilakukan pada bulan Mac sehingga April 2023. Data dan maklumat yang telah dikumpul kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis transkripsi data temu bual. Maklumat penting yang dibentangkan dalam transkrip perbualan dikategorikan kepada dapatan persamaan dan perbezaan antara institusi yang terlibat. Interpretasi oleh pengkaji akan diterjemahkan ke dalam analisis berdasarkan penentuan kesimpulan kajian.

Dapatan dan Perbincangan

Hasil daripada penyelidikan ini, dapat diketahui beberapa isu dan cabaran dakwah *non-Muslim* menerusi implementasi zakat di negeri Perlis. Berikut adalah temu bual yang dilakukan dalam kajian ini.

Menerusi temubual penyelidikan bersama pakar dari Jabatan Mufti Negeri Perlis (Temubual, 4 April 2023) menjelaskan bahawa isu dan cabaran utama pemberian zakat kepada *non-Muslim* ialah persepsi masyarakat Islam itu sendiri kerana mereka menganggap bahawa wang zakat hanya untuk orang Islam sahaja. Sekiranya diberi wang zakat kepada *non-Muslim*, maka akan berkuranglah wang zakat untuk orang Islam, dan mengurangkan bahagian yang sepatutnya diperolehi oleh orang Islam. Antara persepsi lain mereka akan mengatakan bahawa habislah duit zakat dapat kepada *non-Muslim*, dan orang Islam ramai lagi yang susah, kenapa perlu diberi kepada orang *non-Muslim*. Persepsi ini timbul kerana masyarakat Islam tidak memahami keluasan hukum fikah di dalam Islam terhadap terma dalam al-Quran mengenai *muallafah qulubuhum* yang bermaksud orang *non-Muslim* yang jinak hatinya kepada Islam. Terma ini bukan terhad kepada orang *non-Muslim* yang baru sahaja memeluk Islam tetapi juga kepada orang *non-Muslim* yang menunjukkan minat dan cenderung hati mereka kepada Islam. Terma ini tidak termasuk *kafir harby* (*non-Muslim* yang menentang Islam) secara jelas menunjukkan penentangan terhadap Islam.

Ada juga persepsi di kalangan *non-Muslim* yang menganggap zakat ini sebagai rasuah kepada golongan itu untuk masuk Islam. Namun, tanggapan ini tidak benar kerana zakat MAIPs tidak mendapat apa-apa keuntungan jika mereka masuk atau tidak ke dalam agama Islam. Jika mereka masuk Islam kebaikan itu kembali kepada diri mereka sendiri. Kalau tidak masuk Islam pun tidak mengapa, dan bantuan itu terus diberikan sebagai keperihatinan MAIPs yang mewakili masyarakat Islam di Perlis untuk memupuk keharmonian dalam masyarakat majmuk. Buktinya bantuan bencana dan musibah turut diberi kepada *non-Muslim* sebagai tanda keperihatinan masyarakat Islam di Perlis kepada *non-Muslim*. Ini memberi imej yang baik kepada Islam agar *non-Muslim* tidak merasai mereka didiskriminasi. Contohnya apabila MAIPs pergi ke hospital memberi zakat kepada Muslim, dan dalam masa yang sama ada *non-Muslim* yang juga memerlukan bantuan. Pada masa itu, jika bantuan tidak diberikan kepada *non-Muslim* yang memerlukan, imej Islam akan tercalar kerana *non-Muslim* menganggap Islam adalah agama prejudis dan diskriminasi. Tindakan ini sebenarnya memburukkan imej Islam dan menjauhkan mereka dari agama Islam.

Praktis pemberian zakat kepada *non-Muslim* di Perlis tidak sama dengan zakat kepada Muslim. *Non-Muslim* yang menerima zakat tidak perlu ke kaunter MAIPs tetapi mereka akan dipilih oleh Perlis Centre of Wisdom (PCW) yang dilantik oleh MAIPs untuk mengenal pasti kelayakan mereka melalui program-program dakwah dan jelajah dalam memberi penerangan mengenai Islam kepada golongan *non-Muslim* di Perlis.

Apabila zakat diberikan kepada *non-Muslim*, pihak MAIPs akan menjelaskan bahawa ini adalah wang zakat, iaitu wang kutipan masyarakat Islam yang layak membayar zakat diberikan kepada MAIPs untuk diagihkan kepada lapan golongan tertentu, dan salah satu golongan yang menerima zakat ini ialah *non-Muslim*. Penjelasan ini memberi persepsi bahawa masyarakat Islam memberi perhatian kepada golongan *non-Muslim* dan tidak bermusuhan dengan mereka. Islam juga agama perdamaian melalui slogan dan tindakan dalam pemberian zakat.

Pakar dari MAIPs (Temubual, 24 Mac 2023) menyatakan bahawa isu dan cabaran utama pemberian zakat kepada *non-Muslim* ialah persepsi masyarakat Islam yang tidak memahami keluasan fiqh dalam Islam. Apabila diadakan program zakat di masjid, orang Islam akan mempersoalkan kenapa benarkan orang *non-Muslim* masuk ke dalam masjid. Orang Islam yang hadas besar pun tidak boleh masuk ke dalam masjid, inikan pula orang *non-Muslim* yang tidak mengangkat hadas. Oleh itu, masyarakat Islam sepatutnya memahami keluasan hukum dalam Islam terutamanya yang melibatkan perhubungan harmoni antara Muslim dan *non-Muslim* yang diputuskan oleh pemerintah.

Cabaran seterusnya ialah isu orang politik dan media massa yang cuba mensensasikan tajuk akhbar sehingga menimbulkan ketegangan kaum berkaitan isu zakat kepada *non-Muslim*. Isu-isu ini sangat memburukkan imej Islam itu sendiri. Ada sesetengah netizen hanya membaca tajuk akhbar yang cuba disensasikan tanpa membaca penulisan lengkap apa yang ditulis. Kemudian mereka cuba memahami secara salah dengan penuh emosi memburukkan institusi zakat sehingga isu ini tular di media-media sosial.

Menurut pakar daripada Perlis Centre of Wisdom (Temubual, 10 Mac 2023), terdapat persepsi orang Islam terhadap *non-Muslim* yang masuk Islam hanya disebabkan untuk mendapat bantuan zakat. Persepsi ini tidak sepatutnya timbul kerana niat seseorang hanya Allah sahaja yang lebih layak menilai. Manusia hanya mampu menilai pada zahirnya sahaja. Namun, usaha yang berterusan di pihak PCW ialah memberi pendidikan dan bimbingan berterusan kepada golongan muallaf ini sehingga mereka dapat berdikari dan menjadi penggerak pula kepada usaha dakwah bagi mendekati golongan mereka yang belum Islam.

Isu dan cabaran seterusnya ialah kekurangan pakar penggerak dakwah. Ramai ahli akademik dan agamawan berkecimpung dalam medan dakwah kepada orang-orang Islam sahaja. Tidak ramai yang turun padang memberi penerangan kepada *non-Muslim* berkaitan Islam. Oleh itu, pihak MAIPs perlu membanyakkan program *groming* kader-kader dakwah dan menyediakan elaun khusus kepada mereka. Praktis ini telah dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui program dakwah orang Asli.

Cabaran seterusnya ialah kekurangan dana untuk aktiviti dakwah *non-Muslim*. Banyak perancangan yang diatur oleh PCW terpaksa dirombak kerana kekurangan dana. Oleh itu PCW perlu kreatif merancang program dakwah yang lebih memberi impak dengan menggunakan dana yang terhad. Melalui program dakwah dan penerangan Islam ini menggunakan dana zakat telah menjinakkan hati *non-Muslim* untuk mendekati Islam.

Tenaga pakar dalam komunikasi dakwah *non-Muslim* juga dilihat cabaran yang sangat besar. Para dai bukan sahaja perlu mendalami ilmu agama, tetapi mesti menguasai bahasa masyarakat *non-Muslim* supaya mereka mudah mendekati golongan tersebut. Oleh itu, tiba masanya pihak bertanggungjawab memberi galakan dan menawarkan peluang pekerjaan yang baik dalam bidang komunikasi dakwah *non-Muslim* ini. Jadual 1 di bawah menunjukkan dapatan kajian daripada temubual tiga pakar dakwah dan zakat yang telah dijalankan.

Jadual 1: Persamaan Dapatan Kajian Isu dan Cabaran

Bil.	Jabatan Mufti Negeri Perlis	MAIPs	Perlis Centre of Wisdom
Isu 1	Persepsi masyarakat Islam itu sendiri kerana mereka menganggap bahawa wang zakat hanya untuk orang Islam sahaja. Persepsi dalam kalangan <i>non-Muslim</i> yang menganggap zakat ini sebagai rasuah kepada golongan itu untuk masuk Islam	Persepsi masyarakat Islam yang tidak memahami keluasan fiqh dalam Islam.	Persepsi orang Islam terhadap <i>non-Muslim</i> yang masuk Islam hanya disebabkan untuk mendapat bantuan zakat

(Sumber: Hasil Temubual Jabatan Mufti Negeri Perlis, MAIPs dan Perlis Centre of Wisdom)

Jadual 2: Perbezaan Dapatan Kajian Isu dan Cabaran

Bil.	Jabatan Mufti Negeri Perlis	MAIPs	Perlis Centre of Wisdom
Isu 1	Kaedah pemberian zakat kepada <i>non-Muslim</i> ialah melalui program penerangan yang dianjurkan oleh Perlis Centre of Wisdom. Penjelasan kepada <i>non-Muslim</i> bahawa duit tersebut adalah duit zakat.	Isu orang politik dan media massa yang cuba mensensasikan tajuk akhbar sehingga menimbulkan ketegangan kaum berkaitan isu zakat kepada <i>non-Muslim</i>	Kekurangan pakar penggerak, pakar komunikasi dan dana aktiviti dakwah kepada <i>non-Muslim</i> .

(Sumber: Hasil Temubual Jabatan Mufti Negeri Perlis, MAIPs dan Perlis Centre of Wisdom)

Dapatan kajian ini disokong oleh Dr. Shamsiah Mohamad, penyelidik isu-isu kewangan Islam dan syariah yang dipetik kenyataan beliau dalam Sinar Harian (2019). Selain itu, Eshtat Hussain Basri dan Jehanzeb Khali (2014), Rashid Ghanoushi (1993) serta Dr. Monzer Kahf (1980).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, isu dan cabaran dakwah *non-Muslim* melalui implementasi zakat di negeri Perlis menjadi titik tolak kepada permasalahan masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian ini telah mencapai objektif dengan mengenalpasti bentuk atau metod implementasi zakat *non-Muslim*. Zakat dilihat sebagai metod yang sangat berkesan dalam usaha dakwah *non-Muslim* di negeri Perlis. Pihak berautoriti harus melihat isu dakwah dan zakat ini perlu berjalan seiring bagi golongan Muslim dan *non-Muslim*. Ini kerana banyak persepsi yang tular melibatkan tanggapan negatif masyarakat Islam terhadap golongan *non-Muslim* berpunca dari kejahilan masyarakat Islam menanggapi keluasan hukum fiqh yang ada di dalam ajaran Islam. Persepsi ini bukan sahaja melibatkan masyarakat bawahan tetapi juga di pihak pengurusan dan pentadbiran tertinggi negara harus berani mempraktikkan keluasan hukum fiqh selari dengan

perkembangan dan peredaran zaman. Pandangan-pandangan ulama kontemporari harus dilihat dan diimplementasikan dalam kerangka syariat Islam dengan lebih bijak dan harmoni. Institusi dakwah juga harus kreatif dalam merangka program-program dakwah yang memberi impak kepada semua masyarakat di Malaysia. Kader-kader dakwah perlu dilatih dalam bidang baru seiring dengan perkembangan teknologi dan komunikasi antarabangsa. Golongan mualaf yang berpotensi dalam bidang dakwah harus dilatih dan diberi peluang pekerjaan dalam bidang dakwah untuk mereka menyebarkan dakwah Islam kepada golongan mereka yang belum memeluk Islam. Zakat kepada *non-Muslim* bukan sekadar bantuan kewangan semata-mata, lebih besar dari itu ialah nilai toleransi yang diserlahkan dalam ajaran Islam menunjukkan bahawa Islam adalah agama rahmah dan perdamaian kepada semua kaum dan agama. Kajian ini memberi impak yang besar dalam membantu pihak institusi zakat menguruskan aktiviti dakwah *non-Muslim*. Kajian ini juga boleh diperluaskan di institusi zakat di negeri-negeri lain di Malaysia.

Penghargaan

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada UiTM Cawangan Perlis kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran Inovatif Zakat (GIZA). Terima kasih juga kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis, MAIPs dan PCW yang memberi kerjasama sepanjang penyelidikan ini berlangsung.

Rujukan

- Ab Aziz Mohd Zin. (1999). *Metodologi dakwah*. Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ab Aziz Mohd Zin. (1999). *Dakwah di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ab Aziz Mohd Zin. (1999). *Pengantar dakwah Islamiah*. Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Abdull Rahman Mahmood, Kamarudin Hj. Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinain Badaruddin. (2009). Penerimaan bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 2, 33-51.
- Azizul Azra Abdul Razak & Mohd. Hisyam Abdul Rahim. (2017). Dakwah bil hal dalam konteks masyarakat semasa di Malaysia. *Human Sustainability Procedia*.
- Berita Harian. (2021, Oktober 26). *Masalah dadah terus belenggu masyarakat Melayu: Faishal* Retrived from <https://www.beritaharian.sg/uncategorized/pengaruh-positif-dari-keluarga-dan-rakan-masalah-dadah-terus-belenggu-masyarakat>.
- Bernama. (2019, Julai 22). *One Centre Malaysia Perlis sebar luas keindahan Islam-Raja Muda*. Retrived from https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_k2&view=item&id=498:one-centre-malaysia-perlis-sebar-luaskeindahan-islam-raja-muda&Itemid=834&la
- Connaway, L. S., & Powell, R. R. (2010). *Basic research methods for librarians*. ABC-CLIO.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Don, A. G., & Salamon, H. H. (2009). Dakwah kepada non-Muslim di Malaysia: Konsep, pendekatan dan cabaran. *Al-Hikmah*, 1, 39-54.
- Eshrat Hussain Basri & Jehanzeb Khali. (2014). Payment of zakat to non-Muslims in the light of Islamic Shariah. *Al-Idah*, 29(2). 91-106.
- Hamka. (1987). *Tafsir al-azhar*. Penerbit PT Pustaka Panjimas Jakarta.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). *Agama*. Retrived from <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30116?language=my>
- Jabatan Perdana Menteri. (2021, November 25). *Kenyataan media statistik jenayah Malaysia*. Retrived from <https://www.dosm.gov.my/>.

- Khairul Azhar Meerangani. (2013). Dakwah terhadap bukan Muslim di Malaysia: Realiti dan cabaran. *E- Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan*.
- Khairul Azhar Meerangani. (2019). Cabaran dakwah terhadap golongan non-Muslim di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 2(1), 14-22.
- Majlis Agama Islam Perlis. (2021, Oktober 31). *Rahmat Islam dan toleransi agama*. Retrived from https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_k2&view=item&id=1711:rahmat-islam-dan-toleransi-agama&Itemid=834&lang=ms
- Masitah Esa, Amini Amir Abdullah, Nurdeng Deuraseh, Ma'rof Redzuan & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao. (2017). Implementasi konsep pengurusan dakwah satu tinjauan awal di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. (YADIM). *Sains Insani*, 2(2), 10-19.
- Monzer Kahf. (1980). *The calculation of zakah for Muslims in North America*. Muslim Students' Association of the United States and Canada.
- Muhammad Hilmi Mat Johar, Ahmad Faqih Ibrahim, Adam Badhrulhisham, Md Fahami Shukri Dzul Karnain & Khairul Azhar Meerangani. (2021). Penerimaan masyarakat non-Muslim terhadap aktiviti dakwah Islamiyyah: Kajian di negeri Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 4(1), 94-105.
- Muhsin Nor Paizin. (2014). Practice of da'wah in Zakat (Islamic Alms) in Federal Territory, Malaysia: An observation. *International Proceedings of Economics Development and Research*, 73, 32.
- Norjuliana Yaacob. (2019, Disember 17). *Perlis beri zakat kepada orang bukan Islam yang berjinak dengan Islam*. Retrived from <https://www.sinarharian.com.my/article/62234/EDISI/Utara/Perlis-berizakat-kepada-orang-bukan-Islam-yang-berjinak-dengan-Islam>
- Nuruul Hidayah Mansor, S.Salahudin Hj. Suyurno & Norajila Che Man. (2014). Pemerkasaan agihan zakat sebagai medium pembangunan masyarakat Islam. In *Prosiding, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik*, 1-14.
- Othman Hj. Talib & Mohamed Mohamed Tolba Said. (2009). Komuniti Melayu di Mekah: Satu kajian tentang latar belakang sejarah dan cara hidup. *Al-Hikmah*, 1, 31-38.
- Othman Talib.(1996). *Pengurusan dakwah di zaman rasulullah dan aplikasinya kepada pengurusan dakwah masa kini*.
- Patton, M. Q. (2002). Two decades of developments in qualitative inquiry: A personal, experiential perspective. *Qualitative social work*, 1(3), 261-283.
- Quraish Shihab. (1992). *Membumikan Al-Quran*. Bandung : Mizan.
- Rashid Ghanoushi. (1993). *Haquq al muwatanah: haquq ghayaral- muslimin fil mujtama' al-blami hardon*. International Institute of Islamic Thought.
- Shamsiah Mohamad. (2019, November 7). *Zakat untuk bukan Islam*. Retrived from <https://www.sinarharian.com.my/article/56013/zakat-untuk-bukan-islam>
- Syarul Azman Shahrudin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Sahlawati Abu Bakar, Noor Amani Mohamed Hussin, Normazlina Ismail, Nursabila Ramli, Nurhazyyah Nural Anuar, Ahmad Faqih Ibrahim & Siti Khaulah Mohd Hamzah. (2018). Penerimaan masyarakat non-Muslim terhadap aktiviti dakwah. *Prosiding Konvensyen Serantau Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa Siri Ke-4 (Regional Convention On Islamic Studies) RCIS*, 2018, 274-285.